


Kertas Bil. 37/2014



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN GOLONGAN GELANDANGAN**



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAK
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAK KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN GOLONGAN GELANDANGAN**

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 24-28 November dan 1-5 Disember 2014.

2. PROGRAM TUMPUAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri secara fokus memilih tiga program yang sedang dalam pelaksanaan iaitu dapur jalanan untuk golongan gelandangan, Jom Shopping khasnya pemberian baucar perayaan dan Dasar Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri Selangor.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 12 Ogos 2014 (Selasa) bagi mendengar taklimat mengenai program dapur jalanan untuk golongan gelandangan.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |

NGO (*Non-Governmental Organisation*) dapur jalanan yang dijemput adalah Pertiwi Soup Kitchen, Kechara Soup Kitchen dan Dapur Jalanan Kuala Lumpur:

1. Puan Munirah binti Abdul Hamid
Pengasas dan Pengerusi Pertiwi Soup Kitchen
2. Encik Justin Cheah
Pengarah Projek Kechara Soup Kitchen
3. Encik Mohd Ezzuandi Ngah
Koordinator Dapur Jalanan Kuala Lumpur
4. Encik Mohd Abdul Hadi Khalid
Koordinator Dapur Jalanan Kuala Lumpur

4. PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA

Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa sepertimana pada 26 September 2014 setelah satu ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan meletakkan jawatan:

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad yang meletakkan jawatan pada 26 September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.

Ahli Jawatankuasa sebagaimana 10hb Oktober 2014:

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik | Ahli |

(ADN Kawasan Sungai Air Tawar)

- | | |
|---|------|
| 6. Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |
|---|------|

Pada masa Pendengaran Tertutup ini berlangsung, segala keterangan yang dilaporkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini dihadiri dan didengar oleh ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan yang sebelum ini seperti berikut;

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |

5. LATARBELAKANG

Pendengaran tertutup ini yang merupakan sesi rundingan meja bulat diadakan bertujuan untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada wakil NGO yang terlibat dalam mengendalikan bantuan dalam memahami keadaan golongan gelandangan dan juga permasalahan golongan miskin kota di negeri Selangor.

6. FAKTA

1. Isu golongan gelandangan adalah isu yang kompleks dan tidak boleh diselesaikan dalam jangka masa yang pendek kerana punca masalah tersebut bukan sahaja dari segi kewangan tetapi mental, sosial, psikologikal dan spiritual.
2. Kebanyakan orang gelandangan yang menjadikan waktu malam di Kuala Lumpur sebagai tempat mereka melepak, berkumpul serta berehat dan tidur di mana kebanyakannya berasal dari negeri Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.
3. Golongan gelandangan dan miskin tegar terdiri daripada belia (antara 18 tahun-45 tahun) dan golongan warga emas (60 tahun ke atas).
4. Golongan gelandangan yang paling membimbangkan ialah golongan yang berusia antara 45 tahun ke atas kerana kesukaran mereka diberikan pekerjaan untuk menjadi berdikari.
5. Selain itu, kebanyakan golongan gelandangan hidup bersendirian dan tidak mempunyai keluarga menyebabkan mereka tidak diberikan keutamaan apabila mereka memohon untuk mendapatkan kerja dan bantuan kebajikan.
6. Golongan gelandangan di negeri Selangor adalah tidak ramai dan kebanyakan mereka tertumpu di Klang tetapi negeri Selangor banyak mempunyai golongan miskin tegar yang tinggal di kawasan rumah PPRT (Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar)
7. Aktiviti *food bank* hanya dapat disalurkan kepada golongan miskin tegar yang tinggal di rumah PPRT kerana makanan yang disalurkan perlu dimasak.
8. Pada masa kini, Pertiwi Soup Kitchen, Kechara Soup Kitchen dan Dapur Jalanan Kuala Lumpur mengedarkan lebih daripada 800 bungkus makanan kepada golongan gelandangan di kawasan Chow Kit, Jalan Panggung, Jalan Petaling, Jalan H.S. Lee, PJ Old Town, Kg Cempaka, Seksyen 2, Seapark, Paramount Garden dan juga Seksyen 14, Petaling Jaya.
9. Sumber sumbangan makanan yang diterima adalah daripada pelbagai individu dan organisasi swasta.
10. Sukarelawan NGO tersebut dilatih untuk merekod, mendaftar serta menilai golongan miskin tegar dan golongan gelandangan dengan menggunakan kriteria ASQ iaitu *Appearance, Smell and Questionnaire* untuk mengenal pasti mereka yang layak menerima bantuan makanan.

11. Pertiwi, Kechara Soup Kitchen dan Dapur Jalanan bersama NGO yang lain sedang mengumpulkan maklumat untuk merangka satu templat dan program efektif untuk menyelesaikan isu golongan gelandangan ini.

7. PERAKUAN PERTIWI SOUP KITCHEN, KECHARA SOUP KITCHEN DAN DAPUR JALANAN KUALA LUMPUR

1. Kebanyakan orang gelandangan berkeliaran atau tinggal di tepi jalan khasnya pada waktu malam. Di kalangan mereka ada yang telah berada dalam keadaan sedemikian selama 30 tahun. Di antara sebabnya adalah kerana mereka tidak mempunyai keluarga, keluarga tidak mahu menerima mereka balik ataupun mereka sendiri tidak mahu pulang ke pangkuan keluarga mereka.
2. Golongan gelandangan mempunyai pekerjaan tidak tetap kerana isu keperibadian mereka sendiri, OKU (Orang Kurang Upaya), masalah psikiatri, ditipu majikan dan kesusahan mendapatkan kerja disebabkan terpaksa berpindah ke tempat lain.
3. Selain itu, golongan gelandangan sering kali keciciran kad pengenalan kerana ditahan atau melarikan diri daripada sesuatu operasi pembersihan oleh pihak penguatkuasaan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) ataupun daripada pihak polis.
4. Tahap kehidupan orang gelandangan dan miskin tegar di negeri Selangor adalah amat daif. Sebahagian daripada mereka tinggal di rumah PPRT terutamanya PPRT di Lembah Subang. Pada asalnya mereka menumpang di rumah saudara atau kenalan yang mana keadaan rumah tersebut pun telah sedia dhaif dan sesak. Daripada tinjauan, terdapat lebih daripada 15 orang yang tinggal dalam satu unit rumah PPRT.
5. Kebanyakan golongan gelandangan dan miskin tegar mempunyai pelbagai masalah seperti kadar penceraian yang tinggi, isu kurang pendidikan moral dan agama dan masalah kesihatan akibat penagihan dadah.
6. Bagi golongan gelandangan yang mempunyai masalah kesihatan akibat penagihan dadah, mereka akan dihantar ke AADK (Agensi Anti-Dadah Kebangsaan) untuk pemulihan tetapi bagi penagih dadah yang tidak serius mereka tidak akan diberikan wad di hospital ataupun di tempat pusat pemulihan.
7. Kerajaan Persekutuan akan membuat pindaan terhadap Akta Orang Papa 1977 untuk membasmi kemiskinan di ibu kota tetapi pindaan rangka tersebut tidak sesuai kerana

merangkumi golongan gelandangan dan bukan pada sindiket yang mendera golongan gelandangan.

8. Ops Qaseh dengan tujuan menahan golongan gelandangan yang berkeliaran di ibu kota adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur dilihat bebas dari golongan gelandangan. Ini biasanya dilakukan ketika Malaysia menjadi tuan rumah bagi program-program antarabangsa seperti Sukan Komanwel dan Sukan SEA (*Southeast Asian Games*).
9. Hasil daripada himpunan maklumat oleh gabungan NGO (yang akan diserahkan pada 18 Ogos 2014) mendapati faktor utama yang menyebabkan golongan gelandangan ini tercincir daripada masyarakat aliran utama ialah cara mereka diasuh, gaji yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup, pendidikan kerohanian dan kemahiran yang rendah, terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat yang menyebabkan golongan ini terperangkap dalam rantaian kemiskinan.

8. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Wujudnya golongan gelandangan daripada rakyat negeri Selangor yang perlu diberikan perhatian.
2. Ciri-ciri golongan gelandangan ialah golongan ini tidak mempunyai tempat berteduh yang kekal dan lazimnya tidak meminta sedekah.
3. Terdapat kekurangan penglibatan agensi kerajaan dalam penyediaan asrama ataupun dormitori bagi golongan ini berteduh.
4. Golongan gelandangan yang mampu bekerja tidak mempunyai peluang untuk menerima *skills retraining* untuk membantu mereka mendapatkan kerja kerana tidak mempunyai tempat berteduh yang tetap.
5. Golongan gelandangan tidak mempunyai bantuan psikiatri klinikal dan kaunseling yang bersesuaian.
6. Golongan gelandangan juga tidak diberikan bantuan kesihatan yang menyeluruh terutamanya kepada golongan penagih dadah bukan tegar. Pendekatan bersifat pencegahan tidak diamalkan.
7. Terdapat persepsi negatif terhadap golongan gelandangan apabila mereka dilihat sebagai punca masalah dan bukannya masalah yang perlu diselesaikan.

8. Tiada program pendidikan yang khusus untuk membantu kanak-kanak golongan gelandangan mengatasi masalah *learning disabilities* untuk memastikan generasi yang akan datang tidak terperangkap dalam rantaian kemiskinan.

9. SARANAN JAWATANKUASA

1. Kerajaan Negeri perlu membuat kajian terperinci mengenai bantuan yang perlu diberikan kepada golongan ini supaya dapat menyelesaikan masalah mereka.
2. Kerajaan Negeri juga perlu melakukan kajian yang menyeluruh di peringkat DUN (Dewan Undangan Negeri) dan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan).
3. Kerajaan Negeri harus menyediakan peruntukan yang khusus untuk membantu golongan gelandangan ini.
4. Kerajaan Negeri harus mengambil pendekatan yang proaktif dan bersifat pencegahan untuk membetulkan persepsi di kalangan orang ramai supaya komuniti setempat lebih inklusif dan ini membantu golongan gelandangan mempunyai pendirian yang positif dan ingin menyumbang.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) dan Y.B. Tuan Lau Weng San (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 4 November 2014.

Disahkan oleh:



Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|------|---|-----------|
| i) | Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) | Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) | Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| v) | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| vi) | Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker